



Engenai Akaun- Akaun Bank



Apakah
yang anda
perlu tahu...

An Initiative of

moneysense
money matters made simple

APAKAH YANG ANDA PERLU TAHU... ENGENAI AKAUN-AKAUN BANK

Wang dan perbankan adalah sebahagian daripada kehidupan harian. Panduan ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang berguna berkenaan akaun-akaun bank dan tip yang praktikal untuk membantu anda memilih dan menggunakan akaun bank dengan lebih berkesan bergantung kepada keperluan anda.

1) Jenis-jenis akaun bank

Membuka satu akaun bank boleh membantu anda mengendalikan wang anda untuk memenuhi keperluan harian dan kecemasan. Pada masa yang sama, anda boleh mendapatkan faedah untuk simpanan anda dalam sesetengah jenis akaun. Ada 3 jenis akaun bank yang utama iaitu Akaun Simpanan, Semasa dan Simpanan Tetap. Ciri-ciri utama mereka disenaraikan di bawah:

Ciri-ciri	Akaun Simpanan	Akaun Semasa	Simpanan Tetap
Pemberian Faedah	✓	Bergantung kepada ciri produk	✓
Pematangan Tetap	✗	✗	✓
Deposit pada sebarang masa	✓	✓	✗
Pengeluaran pada sebarang masa	✓	✓	✗*
Buku Cek	✗	✓	✗
Buku Pass	✓**	✗	✗

* Jika simpanan diperlukan dengan segera, anda perlu membuat pengeluaran wang sebelum tamat tempoh kematangan. Pengeluaran wang sebelum tamat tempoh kematangan boleh menyebabkan kehilangan semua bayaran faedah atau sebahagian dari faedah tersebut.

** Bergantung kepada ciri-ciri produk yang ditawarkan oleh bank anda, anda boleh memilih untuk menerima sebuah buku Pass ataupun Penyata Akaun yang tetap untuk memantau semua transaksi anda dan jumlah faedah yang didapati.

2) Akaun mana yang sesuai untuk saya?

Untuk membuat pemilihan mengenai akaun yang paling sesuai, fikirkan kembali tujuan anda mendapatkan akaun bank. Jika anda mahu menggunakan akaun anda untuk pengurusan wang dari hari-ke-hari, umpamanya untuk membayar bil, akaun semasa, akaun simpanan ataupun gabungan akaun semasa dan simpanan adalah yang paling berguna. Kalau anda sedang memikirkan untuk mengetepikan sejumlah wang untuk simpanan dalam jangkamasa sederhana atau jangkamasa panjang, anda mungkin lebih suka memilih untuk membuka satu akaun simpanan tetap.

3) Selamat dan senang

- a) Menggunakan akaun-akaun bank adalah cara yang selamat dan mudah untuk membantu anda mengurus pengaliran tunai harian anda. Wang anda berada dengan selamat dalam satu akaun bank dan anda mempunyai penguasaan penuh tentang cara wang anda dikendalikan.
- b) Anda boleh memantau transaksi simpanan dan perbelanjaan anda, membayar bil, membuat pembelian dan menerima wang, seperti deposit tunai, cek dan kemasukan terus wang gaji anda ke dalam akaun bank anda. Anda boleh melakukan semua ini sama ada dengan berkunjung ke sebuah cawangan bank, ATM atau kios, atau membuat transaksi melalui telefon atau internet. Daripada menyimpan sendiri lebih wang tunai anda, memasukkan wang ke dalam bank membantu anda mengurus wang anda dengan lebih baik kerana ia membuat anda kurang cenderung untuk berbelanja tanpa sebab.

4) Proses Melunaskan Cek

Apabila seseorang memberikan anda sebuah cek dan anda memasukkan cek itu ke dalam akaun anda, bank anda perlu menghantar imej cek itu kepada bank lain untuk mengambil jumlah cek tersebut, supaya jumlah itu boleh di masukkan ke dalam akaun anda. Proses ini dimana sebuah bank mengambil simpanan daripada bank yang lain dinamakan melunaskan cek. Oleh sebab ini, jika anda memasukkan sebuah cek ke dalam akaun anda sebelum waktu tutup kemasukkan cek yang telah ditetapkan oleh pihak bank, anda hanya boleh menggunakan wang tersebut di hari berikutnya selepas jam 2:00 petang. Jika cek tersebut dimasukkan selepas waktu kemasukkan cek, cek itu akan dianggap telah dimasukkan pada hari kerja yang berikutnya dan wang itu hanya tersedia pada hari yang selepas itu.

5) Jenis-jenis perkhidmatan untuk pemegang akaun

Berikut adalah senarai perkhidmatan yang biasanya tersedia untuk pemegang-pemegang akaun simpanan dan tetap:

- a) Kad ATM: Dengan kad ini, anda boleh memasukkan, mengeluarkan atau memindahkan wang di mesin-mesin ATM. Penggunaan perkhidmatan ini adalah melalui Nombor Rahsia Peribadi (PIN) anda.
- b) Kad Tunai: Ini adalah kad nilai-tersimpan yang anda boleh gunakan untuk membayar bil atau membuat pembelian.
- c) Kad Debit: Kad debit adalah sebuah kad ATM yang telah ditingkatkan dengan ciri-ciri istimewa lokasi pembelian (point-of-sale) yang boleh digunakan untuk membeli barangan atau perkhidmatan secara elektronik. Kad ini menggantikan wang tunai atau cek. Semua transaksi akan dipotong daripada akaun simpanan atau semasa anda secara langsung.
- d) GIRO: Ini adalah kemudahan perbankan dimana anda memberi kuasa kepada bank anda untuk memindahkan wang dari akaun anda kepada pemberi perkhidmatan untuk perkhidmatan yang diberikan secara berulang-ulang.
- e) Perintah Tetap (Standing Orders): Ini adalah arahan-arahan yang anda berikan kepada pihak bank untuk memindahkan sejumlah wang kepada pihak ketiga secara tetap.

- f) Pemindahan Wang Secara Elektronik di Lokasi Pembelian (EFTPOS): Dikenali secara umum sebagai NETS, anda boleh menggunakan kad ATM atau debit anda di semua cawangan yang menyediakan kemudahan ini. Apabila transaksi diluluskan, jumlah berkenaan dipotong serta-merta dari akaun bank anda.
- g) Perbankan Telefon: Dengan ID dan kata laluan, anda boleh menggunakan telefon anda untuk membuat bermacam transaksi perbankan, seperti pemindahan wang dan memeriksa maklumat akaun.
- h) Perbankan Internet: Ini bersamaan dengan Perbankan Telefon, bezanya adalah anda menjalankan transaksi perbankan melalui laman bank anda di Internet. (Lihat Perbankan Internet di paragraf 8 dibawah).

6) Apa yang anda perlu pastikan bila membuka akaun anda.

Bank-bank menawarkan akaun dengan ciri-ciri yang berbeza serta struktur yuran yang berlainan. Sebelum anda membuka sebuah akaun dengan sebarang bank, anda patut menyelidiki dan memahami ciri-ciri produk yang ditawarkan dengan bertanya soalan-soalan yang berikut:

- a) Untuk akaun simpanan and semasa:
 - i) Berapakah jumlah minimum yang diperlukan untuk membuka sebuah akaun?
 - ii) Berapakah kadar faedahnya?
 - iii) Bagaimana jumlah faedah dikira, dan berapa kerap faedah itu dimasukkan kedalam akaun saya?
 - iv) Adakah baki minimum yang perlu saya kekalkan di dalam akaun itu? Jika saya gagal mengekalkan baki minimum itu, adakah saya dikenakan yuran perkhidmatan?
 - v) Berapa lama saya perlu mengekalkan akaun itu selepas membukanya? Adakah saya dikenakan bayaran penalti jika saya menutup akaun itu lebih awal?
 - vi) Bila saya memasukkan cek, bila saya boleh menggunakan wang itu?
 - vii) Adakah batas pengeluaran wang di cawangan berkenaan, atau di ATM?
- b) Soalan-soalan tambahan untuk pemegang akaun semasa:
 - i) Adakah yuran pentadbiran untuk menyelenggarakan akaun?
 - ii) Adakah saya perlu membayar untuk cek yang disediakan oleh pihak bank?
 - iii) Apakah bayaran yang dikenakan untuk cek yang dipulangkan kerana kekurangan simpanan? Adakah saya dikenakan bayaran faedah juga?
 - iv) Adakah bayaran dikenakan jika cek dipulangkan kerana sebab-sebab teknikal, seperti jika tarikh terkemudian dari tarikh menulis diletakkan di atas cek tersebut?
- c) Untuk Simpanan Tetap:
 - i) Berapakah jumlah minimum yang diperlukan untuk membuka sebuah akaun?
 - ii) Berapakah kadar faedah untuk deposit saya?
 - iii) Bagaimana jumlah faedah dikira?
 - iv) Adakah deposit saya di gerakkan semula (roll-over) secara automatik pada tarikh kematangan?

- v) Apakah yang terjadi jika tarikh kematangan jatuh pada hari cuti umum?
- vi) Bolehkah saya mengeluarkan wang sebelum kematangan? Adakah saya dikenakan bayaran penalti jika saya berbuat demikian? Adakah saya akan terus menerima bayaran faedah, dan bagaimana faedah itu dikira?

7) Melindungi Akaun Anda

Berikut adalah beberapa panduan untuk melindungi akaun/maklumat akaun anda.

a) Kad ATM/PIN

Ingatlah untuk menyimpan kad ATM anda dengan selamat dan menjaga rahsia PIN anda. Untuk melindungi PIN anda, anda patut:

- i) menghapuskan salinan asal PIN itu
- ii) jangan benarkan orang lain menggunakan kad atau PIN anda
- iii) jangan tulis nombor PIN anda diatas kad ATM
- iv) jangan gunakan tarikh atau nombor yang senang di ingat seperti nombor NRIC atau tarikh lahir untuk PIN anda
- v) tukar nombor PIN anda dari masa-ke-semasa

b) Buku Cek/Buku Pass Simpanan

Lindungi dan simpan buku cek dan buku pass anda di tempat yang selamat dan teguh apabila anda tidak menggunakannya.

c) Ingatan bila menulis cek

- i) Jangan menandatangani cek-cek anda terlebih dulu.
- ii) Tulis cek anda dengan dakwat yang gelap.
- iii) Tulis cek anda dengan cara yang boleh menghindar dari perbuatan menokok tambah secara haram, seperti memangkah sebarang ruang kosong selepas nama penerima cek dan selalu tuliskan perkataan "ahaja"(only) selepas menulis jumlah cek dalam perkataan.
- iv) Jika ia bukan cek tunai, pangkah cek tersebut dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" (Account Payee Only).
- v. Jangan gunakan tandatangan faksimili pada cek-cek anda.

8) Perbankan Internet

Ini adalah perbankan menerusi perkhidmatan atas talian (online). Bank-bank yang mempunyai kemudahan perbankan internet membenarkan para pelanggan mereka memeriksa baki wang, membayar bil, memindahkan wang, membandingkan pelan-pelan simpanan dan membuat permohonan untuk pinjaman menerusi internet. Penggunaan kemudahan perbankan internet biasanya dibuat melalui ID/kata laluan dan PIN pihak pengguna.

9) Langkah-langkah Keselamatan bila menggunakan Perbankan Internet

Bank-bank akan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memastikan bahawa laman mereka dan kemudahan atas talian (online) mereka adalah teguh. Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai aturan keselamatan mereka, tanyalah pihak bank untuk mendapatkan butir-butir yang terperinci. Anda boleh melaksanakan tanggungjawab anda untuk memastikan keteguhan transaksi perbankan atas talian anda dengan melakukan perkara-perkara yang berikut:

- a) Jangan berikan maklumat ID dan kata laluan anda pada sesiapa pun. Kakitangan bank tidak akan meminta anda memberikan maklumat tersebut pada mereka.
- b) Lungsuri lelamen bank dengan memasukkan nama domain bank tersebut kedalam petak pelayar (browser). Jangan gunakan sambungan hyperlinks atau penukaran arah dari lelamen-lelamen lain untuk memasuki lelamen bank anda.
- c) Tukar kata laluan anda secara kerap, lebih-lebih lagi jika anda selalu membuat transaksi.
- d) Periksa penyata anda secara kerap dan berjaga-jaga terhadap sebarang catatan yang tidak sah.
- e) Beringat untuk memutuskan lungsuran (log-off) walaupun jika anda meninggalkan meja anda buat waktu yang singkat.
- f) Hapuskan memori cache komputer anda dan sejarah transaksi selepas anda putuskan lungsuran (log-off).
- g) Lakukan transaksi perbankan anda dengan menggunakan komputer anda sendiri. Jangan gunakan komputer yang dikongsi bersama seperti yang terdapat di kedai makan siber (cyber cafes).
- h) Lindungi komputer anda dari para pengodam dengan memasang dinding pelindung (firewalls), softwe penentang virus komputer dan tingkatkan pelayar (browser) serta sistem operasi anda dengan memasukkan softwe peningkatan keselamatan yang terkini.

10) Pengendalian Masalah

Jika anda menghadapi sebarang masalah berkenaan akaun anda, hubungi pihak bank. Semua bank tertakluk kepada kod praktik yang dipanggil Kod Praktik Perbankan Pengguna (CCBP), dimana bank tertakluk pada tanggungjawab untuk berurusan dengan para pelanggan mereka di bawah empat prinsip:

- a) Keadilan
- b) Terus-terang
- c) Bertanggungjawab
- d) Boleh dipercayai

11) Penghuraian Perbalahan

Jika anda menghadapi sebarang masalah dengan bank anda dan mahu membuat pengaduan, ada aturan yang digariskan di dalam CCBP tentang cara untuk berbuat demikian. Anda patut meminta bantuan dari bank anda terlebih dahulu untuk menangani masalah anda kerana mereka mempunyai rekod anda. Jika anda masih tidak berpuashati dengan reaksi dari pihak bank, anda boleh memilih untuk merujuk kepada skim penghuraian perbalahan yang bebas iaitu Unit Perantaraan Pengguna (CMU) yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah yang tidak boleh dihuraikan secara langsung oleh anda dan pihak bank. CMU adalah sebuah unit yang bebas yang ditubuhkan dalam Januari 2003 di bawah naungan ABS dan di iktiraf oleh semua bank di Singapura.

Bermula dari Ogos 2005, CMU akan digabungkan ke dalam Pusat Huraian Perbalahan Industri Kewangan (FIDReC). Ini adalah pusat huraian perbalahan untuk seluruh industri Kewangan.

12) Bacaan Lanjut

Untuk bacaan lanjut mengenai panduan pengguna yang lain, sila lungsuri lelamen MoneySense di www.moneysense.gov.sg